

# Optimis capai sasaran 60 peratus

17 Disember 2014 1:35 AM

Like 0 Share 0 Tweet 0 Google + 0



HAMIM SAMURI (kiri) bersama Noraini Ahmad (kanan) ketika hadir dalam forum Women At Work: Unleashing The Creative Energy di Kuala Lumpur, semalam. – UTUSAN/GHAZALI BASRI

**KUALA LUMPUR 16 Dis. –** Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri optimis dapat mencapai sasaran 60 peratus sektor perkhidmatan menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menjelang 2020.

Timbalan Menteri, Datuk Ir. Hamim Samuri berkata, pada ketika ini, sektor perkhidmatan negara menyumbang sebanyak 55 peratus dan menjangkakan sasaran itu mampu dicapai pada tempoh tersebut.

“Selain itu, pihak kami juga menasarkankan eksport perkhidmatan akan menyumbang sebanyak RM264 bilion menjelang 2020 berbanding jumlah RM126 bilion yang dilaporkan pada tahun lalu.

Advertisement

Master of Business Administration  
**Learn for a MBA**

In collaboration with:  
**Coventry University**

**INTI** International University & Colleges  
INTI. Education that Empowers.

“Malah, sebanyak 147 aktiviti promosi perdagangan telah dirancang tahun ini dengan 45 daripada angka itu tertumpu pada sektor perkhidmatan,” katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan forum Women at Work Conversation Series 2: Unleashing The Creative Energy di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengerusi Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade), Datuk Noraini Ahmad; Ketua Pegawai Eksekutif SME Corporation Malaysia Bhd. (SME Corp), Datuk Hafsa Hashim dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Matrade, Datuk Dzulkifli Mahmud.

Forum anjuran SME Corp dengan kerjasama Women@Work bertujuan menyediakan platform kepada usahawan wanita tempatan berkongsi pengalaman mereka dalam bidang keusahawanan serta menyuarakan pandangan dan cadangan mengenai industri kreatif.

**Kuala Lumpur**

Subuh 6:04  
Zohor 1:25  
Asar 4:47  
Maghrib 7:22  
Isyak 8:35

→ 300px

↓ 250px

**RUANG IKLAN  
UNTUK DISEWA**

www.utusan.com.my/Jom\_Iklan

## Pautan Info Banjir

Info Cuaca Jabatan Meteorologi Malaysia  
Portal Bencana Majlis Keselamatan Negara  
Kenyataan Banjir Terengganu  
Portal eBanjir Kelantan  
Berita Sekitar Bencana Banjir

**TABUNG  
BANTUAN BANJIR  
KUMPULAN UTUSAN**

**Utusan Melayu (M) Berhad**  
**Maybank: 564043595990**

Untuk Pertanyaan 03-92322600  
Sila hubungi: Muhammad Syakur Mamat  
Hamidah Basri  
Farnida Mohammed Norawi

## popular



**Rebat RM5,000  
lupus kereta lama**



**Pembayaran  
pertama BR1M  
2015 mulai**

Khamis ini



**Kapten tembak  
MH17 didedah**



**Mayat dua  
beranak dihanyut  
arus dijumpai**

berpelukan

Panel penceramah yang hadir ke forum tersebut terdiri daripada penerbit dan pengarah, Datin Suhaimi Baba; pereka kasut, Nelissa Hilman; Pengasas Sakura Malaysia, Suraya Sharifuddin; Pengarah Urusan Atikah Songket, Noriah Ashari dan Pengarah Urusan D'or Rue Sdn. Bhd., Hanizah Zainuddin serta peserta daripada pelbagai industri kreatif termasuk bidang seni dan kraf, reka bentuk, fesyen, seni bina, dan reka bentuk dalaman.

Dalam pada itu, Hamim turut menggesa lebih banyak usahawan wanita tempatan tampil menerokai peluang perniagaan sedia ada khususnya dalam industri kreatif berikutan ia berpotensi menjana pendapatan.

Menurut beliau, kerajaan amat menitikberatkan soal penyertaan wanita dalam sektor perniagaan memandangkan golongan itu memainkan peranan penting dalam pertumbuhan ekonomi negara sekali gus mempromosikan Malaysia di mata dunia.

Malah, katanya, golongan tersebut juga perlu menjadikan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) yang akan berlangsung pada tahun depan sebagai platform bagi memberi nilai tinggi kepada perniagaan mereka.

"Tahun depan, Malaysia akan mempengerusi AEC, jadi peluang untuk negara mempromosi hasil produk usahawan wanita tempatan ini adalah besar. Malah, pameran ini juga akan menampilkan hasil produk industri kreatif.

"Justeru, adalah penting bagi usahawan wanita tempatan untuk merebut peluang sedia ada. Malah, kita juga harus mengetengahkan produk berkualiti," katanya.

Selain itu, beliau berkata, pihaknya turut menggalakkan kerjasama sektor swasta dalam membangunkan industri kreatif ini dengan lebih efisien.

"Kerajaan komited untuk memperkasakan industri kreatif namun pada masa yang sama, kita memerlukan sokongan daripada sektor swasta seperti institusi perbankan untuk memberi kemudahan pinjaman bagi membantu pengusaha berkenaan," katanya.

Kerana sewa rumah  
RM280, wanita  
dicabul depan suami

